

# Belia aktif *tambah pendapatan*

Teroka bidang pertanian memanfaatkan segala peluang, kemudahan disalurkan kerajaan

NURUL FIRDAUS KHAIRI

**BANTING** - Isu kenaikan harga barang yang berlaku hari ini tidak boleh dikaikan dengan kerajaan yang zalim seperti yang diperkatakan oleh pelbagai pihak.

Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, kerajaan telah menyalurkan pelbagai kemudahan kepada rakyat dan melihat ia sebagai bantuan untuk meningkatkan taraf hidup walaupun dalam sektor pertanian.

Menurutnya, beliau tidak menafikan kebanyakan belia di bawah umur 40 tahun kini terpaksa melibatkan diri dalam aktiviti pertanian dalam usaha menambah pendapatan.

"Saya akui bidang pertanian menjadi pilihan utama dalam meningkatkan taraf-

**INFO** • **Penyertaan belia dalam pelbagai kursus pertanian sehingga mereka mampu jana pendapatan lebih RM5,000 sebulan**

dup keluarga. Ia berikutan penyertaan belia dalam pelbagai kursus pertanian sehingga mereka dapat menjana pendapatan lebih RM5,000 sebulan," katanya pada Majlis Penutup Program Quick Win Kursus Tanaman Fertigasi Cili kepada Belia Felcra Berhad di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, semalam.

Dalam program berkenaan, seramai 48 peserta dari seluruh negara terlibat dalam program kerajaan yang menyasarkan penanaman cili

fertigasi sebagai pendapatan.

Sulaiman turut menyifatkan kejayaan PPK Kuala Langat dalam mendapat bangunan baharu bertingkat bernilai RM 5 juta itu sebagai pencapaian luar biasa yang bakal membantu petani di seluruh negara mendapatkan khidmat nasihat dan menambah pendapatan dalam sektor pertanian.

Katanya, bukan senang mengajak orang luar datang berkursus di daerah ini sekali gus mempromosikan cabang pertanian yang ada di Kuala Langat.

Bagi Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah berkata, beliau terus menggalakkan warga kerja PPK Kuala Langat memberi khidmat nasihat kepada semua peserta yang hadir.

Katanya, selain menambah ilmu, PPK Kuala



Program Quick Win Kursus Tanaman Fertigasi Cili kepada Belia Felcra Berhad di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, semalam.

Langat berjaya melahirkan petani dalam kalangan belia dari seluruh negara dalam aspek penanaman cili fertigasi.

"Ia sebagai usaha menghapuskan orang tengah selain menggalakkan tanam cili fertigasi sebagai punca pendapatan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Cawangan Perundingan dan Venture Baru Felcra Berhad,

Kamaluddin Musa berkata, tidak dinafikan kebanyakan peserta dari Felcra Berhad sebelum ini sudah berjaya memasarkan cili mereka sebagai punca pendapatan.

Katanya, bantuan awal sebanyak 20 beg poli kepada peserta itu bakal dipantau sepanjang empat ke lima bulan.

"Selepas peserta dilihat berjaya, kita akan salurkan

bantuan bagi meluaskan penanaman mereka sekali gus bantu tambah pendapatan.

"Saya percaya projek untuk fasa ketiga ini bakal memberi peluang kepada lebih ramai lagi belia yang ingin berjaya dalam sektor pertanian untuk mendapat pendapatan lumayan melalui pengalaman mereka yang berjaya dari PPK Kuala Langat," katanya.

## Masalah keselamatan sekolah selesai

MORIB - Rungutan ibu bapa mengenai isu keselamatan pelajar dan ibu bapa yang keluar masuk hantar dan jemput anak-anak di Sekolah Kebangsaan Jenis (C) Simpang Morib dianggap selesai selepas beberapa permohonan keselamatan di hadapan sekolah diambil perhatian.

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Tan Book Fock berkata, pihak sekolah berdepan bahaya apabila kenderaan melalui kawasan hadapan sekolah sering dipandu laju.

Menurutnya, akibatnya kebanyakan ibu bapa dan guru berdepan dengan risiko kemalangan setiap kali keluar masuk ke sekolah pada waktu persekolahan.

"Pelbagai permohonan dipanjangkan kepada pimpinan setempat dan tak sangka pihak berkenaan mengambil serius masalah kami dan telah memasang garisan kuning sebelum dan selepas pintu masuk sekolah, memasang tanda amaran kurangan kelajuan anak-anak sedang melintas dan beberapa kemudahan



Hafez (kiri) bersama Lay Lee bersama sebahagian pemimpin masyarakat melihat keadaan kemudahan lalu lintas di hadapan sekolah.

tambahan sebagai membantu mengelakkan kemalangan berlaku.

"Saya melihat kemudahan itu memberi kelegaan kepada pihak sekolah terutama guru-guru dalam berdepan dengan keluhan ibu bapa," katanya ketika mengadakan tinjauan jalan di hadapan SJK (C) Simpang Morib.

Bagi Guru Besar, Khor Lay Lee berkata, dia pernah memanjangkan aduan mengenai beberapa isu di hadapan sekolah sehingga terdapat ada pemimpin tempatan memanjangkan isu itu kepada pihak berkenaan.

Katanya, dia tidak sangka masalah itu dapat ditangani

sekali gus mengharapkan rungutan berkenaan masalah jalan tidak timbul lagi.

"Saya harap ibu bapa dan pelajar dapat keluar masuk dengan selamat tanpa berdepan dengan kenderaan laju setiap hari. Selepas ada beberapa kemudahan itu ia benar-benar membantu perjalanan keluar masuk pelajar dan ibu bapa di sini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Belia Daerah Kuala Langat, Hafez Shuriddin berkata, menjadi satu tanggungjawab pihak sekolah memastikan keselamatan pengguna terutama ibu bapa yang hantar dan jemput anak-anak terjamin.

## Peluang ibu tunggal tingkat pendapatan

BANTING - Inisiatif Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) membuka peluang ibu tunggal di bawah Pusat Wanita Berdaya (PWB) meningkatkan pendapatan dengan menghasilkan 1,000 beg kitar semula menerusi kerjasama Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) dan sebuah syarikat disokong oleh kerajaan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Elizabeth Wong berkata, MDKL memanfaatkan semua kain rentang termasuk gegantung yang diturunkan dalam mana-mana program untuk mengaktifkan Kempen Guna Saya Semula anjuran bersama MDKL membantu sebuah syarikat swasta tempatan serta KKKL mengatur sebuah pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan matlamat untuk menjaga dan memelihara alam sekitar tanpa mengecualikan mana-mana pihak.

Menurutnya, lebih bererti dan membanggakan apabila inisiatif pemeliharaan alam sekitar selari dengan pelaksanaan Kempen #ebasplastik Negeri Selangor.

"Saya difahamkan bahawa Program Guna Saya Semula adalah inisiatif menggunakan kain rentang dan gegantung terpakai dengan menghasilkan beg guna semula.

"Ia sebagai alternatif untuk menggalakkan orang ramai supaya mengurangkan

penggunaan beg plastik dan menggunakan beg guna semula ini semasa membeli belah," katanya pada sidang media selepas Majlis Guna Saya Semula di Pasaraya Giant Banting, kelmarin.

Elizabeth berkata, pelaksanaan program ini selaras dengan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor iaitu menerapkan budaya hijau bagi menambah baik kualiti dan gaya hidup rakyat di samping menyasarkan usaha mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke arah melastikan kawasan persekitaran.

Beliau mengharapkan program dapat meminimumkan pembuangan kain rentang dan gegantung terpakai di kawasan pelupusan sampah malah dapat menyelesaikan masalah penyimpangan kain rentang dan gegantung terpakai.

"Perlaksanaan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di negeri ini telah dilaksanakan pada setiap hari sejak 1 Januari 2017 sekali gus transformasi MDKL dalam usaha menarik golongan ibu supaya aktif menambah pendapatan juga perlu dicontohi.

"Selaku pemimpin masyarakat, saya mengajak masyarakat ambil tanggungjawab ini demi kesejahteraan persekitaran. Kita jangan fikirkan kepentingan diri sendiri pada waktu ini, seharusnya memandang jauh ke hadapan iaitu apakah nasib masa depan anak-anak kita," katanya.